

13 FEB 2001

Sukan-Hishammuddin (SEA)

HISHAMMUDDIN MAHU MOMENTUM PERSIAPAN SUKAN SEA TERUS DITINGKAT

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata beliau berpuas hati dengan kemajuan persiapan menghadapi Sukan SEA ke-21 termasuk oleh jawatankuasa kecil tetapi mengingatkan mereka supaya menerus dan meningkatkan momentum berkenaan.

Katanya beliau tidak mahu sesuatu berlaku di peringkat persatuan yang boleh menjejaskan persiapan.

Persatuan sukan juga telah diminta menyerahkan laporan terperinci berhubung persiapan masing-masing kepada beliau, kata Hishammuddin.

"Semua yang dirancang kini berjalan mengikut jadual...bukan ada perkara-perkara yang membimbangkan," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah Sukan SEA ke-21 di kementerian itu di sini.

Hishammuddin merayu semua pihak di setiap peringkat supaya membuat persiapan rapi dan teratur melalui jawatankuasa pengelola persatuan sukan masing-masing.

Hishammuddin berkata penyediaan atlit untuk temasya sukan dwi-tahunan itu kini memasuki fasa ketiga yang membabitkan 657 atlit serta 46 jurulatih luar negara dan 58 jurulatih tempatan.

Katanya atlit 27 jenis sukan akan menjalani latihan sepenuh masa manakala tenis, boling dan polo air, latihan secara separuh masa.

Kerja menaik taraf infrastruktur dan kemudahan sukan pula membabitkan 14 daripada 40 tempat berlangsungnya acara-acara sukan itu, antaranya sukan tenis, polo air, boling, angkat berat, kapal layar, menembak dan ping pong, katanya.

Hishammuddin juga berkata perasmian Sukan SEA pada 8 Sept dijangka dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah manakala penutupnya pada 17 Sept oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kedua-dua acara berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Katanya larian obor akan bermula pada 10 Mac setelah presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tunku Imran Tuanku Ja'afar menerima obor daripada presiden Majlis Olimpik Brunei Pengiran Bendahara Sufri Bolkiah di Bandar Seri Begawan, Brunei.

Obor itu akan dibawa dengan bot ke Labuan.

Beliau berkata empat syarikat tempatan Petronas, Tenaga Nasional, Proton dan Telekom yang merupakan Rakan Sukan SEA, masing-masing menyumbang RM3.8 juta (AS\$1 juta).

-- BERNAMA

AZ DC LAT